

Jangan tukar sistem lantik Datuk Kelana

22/9/87

SEREMBAN, Isnin — Sebilangan besar pengamal Adat Perpatih di Luak Sungai Ujong membantah cadangan tokoh budaya dan Adat Perpatih, Tan Sri Abdul Samad Idris supaya sistem giliran antara Perut dalam menentukan penyandang pesaka Datuk Kelana (Undang Luak Sungai Ujong) dihapuskan.

Sambil menyifatkan cadangan itu sebagai tidak wajar, mereka berkata, ia juga bercanggah dengan kandungan Terombo Asal Luak berkenaan serta Perlembagaan Negeri Sembilan.

Jurucakap anak-anak Waris Perut Ulu daripada Rumpun Tinggang, berkata sistem perlantikan Datuk Kelana sekarang sudah menjadi amalan semua anak Waris sejak zaman-berzaman dahulu dan "tidak mungkin boleh dipinda lagi."

"Sebarang percubaan untuk mengubah sistem ini bermakna pindaan perlu dibuat kepada Perlembagaan Negeri Sembilan serta Terombo Asal Luak Sungai Ujong.

"Pindaan ini, jika dibuat akan juga membabitkan urusan pentadbiran Adat Perpatih di tiga Luak lain, iaitu Jelebu, Johor dan Rembau. Dengan kata lain, ia ada-

Oleh BUSTAMAM AHMAD

lah satu proses yang rumit.

"Oleh itu, tidak hairanlah jika Dewan Keadilan dan Undang Negeri Sembilan menolak cadangan seumpama itu yang pernah dikemukakan sendiri oleh Tan Sri Abdul Samad satu ketika dahulu," katanya dalam kenyataan kepada Berita Harian di sini hari ini.

Jurucakap itu mendakwa, krisis perlantikan Datuk Kelana ke-10 bukannya berpunca dari sistem giliran mengikut Perut tetapi kerana "kegagalan Datuk-Datuk Lembaga Tiang Balai Luak Sungai Ujong menjalankan amanah yang dipertanggungjawabkan kepada mereka."

Bellau juga mendakwa Datuk-Datuk Lembaga berkenaan gagal mencapai kata sepakat mengenai pemilihan Datuk Kelana ke-10 kerana kepentingan sendiri.

"Segala perbalahan mengenai anak Waris mana yang layak menyandang pesaka Datuk Kelana ke-10 akan dapat diselesaikan dengan merujuk kepada Terombo Asal Luak Sungai Ujong dan bukannya menukar sistem pemilihan seperti yang diamalkan sekarang," katanya.

Seorang jurucakap anak-anak Waris Perut Hillir menyesali kenyataan Tan Sri Abdul Samad terutama mengenai cadangan supaya calon Datuk Kelana "hendaklah dipilih daripada semua orang yang ada dalam Luak Sungai Ujong."

Sambil menyifatkannya sebagai "kenyataan yang amat bahaya," bellau berkata ia seolah-olah memberi gambaran bahawa jawatan Datuk Kelana adalah jawatan politik kerana semua orang yang tinggal di Luak Sungai Ujong layak membuat permohonan apabila berlaku kekosongan.

"Kami amat terperanjat apabila membaca kenyataan Tan Sri Abdul Samad seperti yang disiarkan oleh Berita Harian hari ini. Jawatan Datuk Kelana adalah jawatan adat dan bukannya politik.

"Jawatan Datuk Kelana hanya boleh disandang oleh anak Waris Kelana (di Darat) sama ada daripada Perut Ulu atau Hillir sahaja. Bayangkanlah apa yang akan berlaku kepada sistem pentadbiran Adat Perpatih di negeri ini jika jawatan Datuk Kelana layak disandang oleh semua orang yang tinggal di Luak Sungai Ujong," katanya.

Menurutnya, aturan adat Luak Sungai Ujong dengan jelas menggariskan bahawa

jawatan Datuk Kelana hendaklah disandang mengikut giliran oleh anak-anak Waris di Darat sama ada daripada Perut Ulu atau Hillir.

"Jika anak-anak Waris di Air Luak Sungai Ujong tidak layak menyandang pesaka ini, bagaimanapun orang lain yang bukan Waris boleh menyandang. Kami berharap semua pihak yang ingin membuat kenyataan mengenai perjalanan adat di Luak Sungai Ujong hendaklah lebih berhati-hati di masa akan datang," katanya.